



## GARIS PANDUAN AGIHAN PENGURUSAN SEKOLAH AGAMA TAHUN 2024

<b>NAMA SKIM</b>	<b>SEKOLAH AGAMA NIDZOMI</b>
<b>KOD AGIHAN</b>	<b>B27010000</b>

### LATAR BELAKANG

1. Lembaga Zakat Negeri Kedah telah menyediakan **Skim Agihan pengurusan dan pentadbiran bagi Institusi Sekolah / Pondok / Tahfiz** kepada sekolah yang berdaftar dibawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK).
2. Agihan ini hanya diberikan **setahun sekali sahaja** berdasarkan permohonan yang dibuat oleh sekolah.

### KADAR AGIHAN

4. Penetapan agihan bagi setiap sekolah adalah seperti berikut :

<b>KADAR AGIHAN</b>	<b>JUMLAH AGIHAN SETIAP SEKOLAH</b>
RM 300.00 / Seorang	Enrolmen (Pelajar + Guru + Kakitangan) x RM 300.00

### KAEDAH PENGIRAAN AGIHAN

5. Jumlah agihan yang diterima oleh setiap sekolah/ pondok/ tahfiz adalah dengan menggunakan kaedah pengiraan seperti berikut :

$$\text{(Jumlah Pelajar, Guru dan Kakitangan)} \times \text{RM } 300.00 = \text{Jumlah Agihan}$$

Jumlah pelajar, guru dan kakitangan adalah bermaksud semua individu yang sedang menuntut atau berkhidmat di bawah pengurusan dan pentadbiran sekolah / pondok / tahfiz sahaja.

## **SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN**

6. Syarat Kelayakan Permohonan agihan ini adalah tertakluk kepada syarat seperti berikut:
- a. Sekolah hendaklah berdaftar dibawah **Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK)**.
  - b. Status tanah hendaklah diwaqafkan kepada **Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK)**.
  - c. Permohonan hendaklah dikemukakan bersama dokumen seperti berikut:
    - i. Profil sekolah / pondok / tahniz
    - ii. Salinan Kad Pengenalan Pengetua atau Guru Besar Sekolah
    - iii. Salinan Sijil Pendaftaran Sekolah
    - iv. Salinan Geran Tanah sekolah / pondok / tahniz yang berdaftar dibawah MAIK atau Surat Pengesahan waqaf yang dikeluarkan oleh MAIK.
    - v. Salinan Akaun Bank sekolah / pondok / tahniz
    - vi. Senarai nama dan no Kad Pengenalan guru dan kakitangan sekolah
    - vii. Senarai nama pelajar dan no Kad Pengenalan yang sedang menuntut di sekolah / pondok / tahniz.
  - d. LZNK berhak menolak permohonan sekiranya permohonan tidak diisi dengan lengkap dan jelas mengikut prosedur yang ditetapkan.

## **KAEDAH PERMOHONAN / BAYARAN**

7. Tarikh buka permohonan adalah seperti yang diumumkan melalui portal rasmi LZNK dan pemohon boleh mendapatkan borang yang disediakan di laman web rasmi LZNK ([www.zakatkedah.com.my](http://www.zakatkedah.com.my))
8. Bayaran akan dibuat secara Electronic Fund Transfer (EFT) atau cek kepada pihak sekolah mengikut kesesuaian.

## **HAL-HAL LAIN**

9. Proses semakan permohonan dan pembayaran agihan ini adalah berpusat di Divisyen Pendidikan seperti berikut :

**Divisyen Pendidikan  
Aras 3, Menara Zakat Jalan Teluk Wanjah  
06420 Alor Setar Kedah  
No Telefon : 04-7331740 / 013-4592071  
Email : [pendidikan@zakatkedah.com.my](mailto:pendidikan@zakatkedah.com.my)**